

TH TERIMA PENGIKTIRAFAN MALAYSIA TAKAFUL ASSOCIATION

KUALA LUMPUR, 25 MEI 2025: Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah diberi pengiktirafan menerusi Anugerah Inspirasi Hijrah sempena Takaful Star Awards (TSA) 2025, anjuran Malaysian Takaful Association (MTA) yang berlangsung di Kuala Lumpur semalam.

Anugerah istimewa ini merupakan kategori khas yang diberikan kepada institusi bukan takaful yang telah memberikan sumbangan besar dalam memperkasa, memacu inovasi dan menyumbang kepada pembangunan industri takaful di Malaysia.

Pengiktirafan ini turut diberikan atas inisiatif yang diterajui oleh **TH**, khususnya menerusi pelan perlindungan **TH** Khairat, yang telah memperkukuh perlindungan kewangan dan menyokong matlamat utama Maqasid Syariah.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Tuan Haji Mustakim Mohamad berkata pemilihan **TH** sebagai penerima Anugerah Inspirasi Hijrah (Trailblazer Award) mencerminkan komitmen **TH** dalam memperjuangkan nilai-nilai sejajar dengan prinsip takaful serta komitmennya dalam memperluaskan keterangkuman kewangan kepada masyarakat.

“Pengiktirafan ini adalah satu penghormatan besar buat **TH**. Ia mencerminkan usaha **TH** dalam menyokong ekosistem kewangan Islam secara menyeluruh, termasuk industri takaful. Dengan inisiatif **TH** Khairat, **TH** akan terus memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran umat Islam, khususnya pendeposit **TH** terhadap perancangan kewangan yang komprehensif dan kepentingan perlindungan takaful,” kata beliau.

“**TH** merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada MTA atas pengiktirafan ini dan akan terus komited dalam memainkan peranan sebagai institusi Islam yang progresif dan inklusif demi manfaat umat Islam dan negara secara keseluruhannya,” jelas beliau lagi.

Melalui kerjasama strategik bersama Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (STMKB) dan Hong Leong MSIG Takaful (HLMT), pendeposit **TH** boleh mendaftar sehingga empat sijil perlindungan **TH** Khairat, iaitu sehingga dua sijil daripada setiap pengendali. Ini membolehkan perlindungan keseluruhan berjumlah sehingga RM48,000 dimana perlindungan akan ditingkatkan menjadi dua kali ganda sekiranya pendeposit meninggal dunia ketika menunaikan ibadah haji di

Tanah Suci tanpa sebarang bayaran langganan tambahan. Sehingga April 2025, **TH** Khairat telah dilanggan oleh lebih 700 ribu pendeposit **TH**.

"**TH** akan terus komited dan berusaha memberikan perkhidmatan terbaik dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan sedia ada dan memperkenalkan perkhidmatan baharu yang memberi manfaat kepada pendeposit pada masa akan datang," tambah Mustakim.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan ini, sila layari www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre (THCC) di talian 03-6207 1919.

-TAMAT-